

WCE: 6 pintu masuk baharu ke Melaka

SERI NEGERI - Projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) bukan sahaja mewujudkan jaringan sistem perhubungan jalan raya lebih efisien, malah dilihat bakal menjadi pemangkin kepada ekonomi Melaka menerusi pembukaan enam pintu masuk baharu ke negeri ini.

Laluan sepanjang 69 kilometer (km) itu akan mewujudkan susur masuk alternatif baharu ke Melaka yang selama ini tertumpu di Plaza Tol Simpang Ampat, Plaza Tol Ayer Keroh dan Plaza Tol Jasin.

Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, antara pintu masuk baharu dicadangkan adalah Masjid Tanah, Rembia, Gangsa dan Sungai Rambai.

Katanya, projek WCE merentasi empat negeri



HAMEED

bermula dari Banting, Selangor melalui Negeri Sembilan seterusnya merentasi Melaka dan berakhir di Gelang Patah, Johor itu dijangka akan dilancarkan pada penghujung 2026.

"Pembinaan WCE dijangka mengambil masa selama 10 tahun, walau bagaimanapun pelancaran projek hubungan selatan ini juga bergantung kepada

koordinasi bersama Negeri Sembilan dan Johor.

"Sebenarnya WCE adalah alternatif utama bagi mengurangkan kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan dan meningkatkan kelancaran jaringan pengangkutan. Penempatan tol (susur keluar) dirancang berdasarkan kepadatan penduduk supaya pengguna luar dari negeri dapat mengakses jalan dengan mudah," katanya pada sidang media selepas Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas, di sini, 9 Disember lalu.

Mengulas lanjut, Hameed yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Limau memaklumkan penduduk tempatan tidak perlu gusar kerana mereka boleh menggunakan jajaran baharu jalan litar (ring road) tanpa tol yang juga bakal dibina kelak.

"Semua ini bertujuan memastikan kesesakan dapat diurus dengan lebih baik, terutama melibatkan kawasan bandar yang padat. Strategi ini membantu mobiliti penduduk dan

pelancong supaya keberkesanan jaringan jalan dapat dimaksimumkan tanpa mengganggu kawasan penempatan sedia ada.

"Jajaran baharu litaran jalan yang bakal

dibina merangkumi beberapa projek utama termasuk perhubungan antara dua daerah iaitu Alor Gajah ke Melaka Tengah iaitu dari Jalan Masjid Tanah ke Sungai Udang," katanya.



ANTARA jajaran yang dicadangkan untuk projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) di Melaka. Foto Pejabat Ketua Menteri